



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 6/ 2024 (Bulan Jun 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Keutamaan Zulhijjah	7 Jun 2024M/ 29 Zulkaedah 1445H
2.	Namanya Selepas Namaku	14 Jun 2024M/ 7 Zulhijjah 1445H
3.	Bijak Merancang Lunaskan Hutang	21 Jun 2024M/ 14 Zulhijjah 1445H
4.	Fardhu Yang Disisihkan	28 Jun 2024M/ 21 Zulhijjah 1445H
6.	Khutbah Kedua	

Dibiayai:



زكاة فولادو فينيغ

Diterbitkan:



جابتن حال إحوال اكام اسلام فولادو فينيغ



*Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang*

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Namanya Selepas Namaku

14 Jun 2024M/ 7 Zulhijjah 1445H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُؤْمِنُونَ الْمُتَّقُونَ.

PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kalian kepada Allah dengan sebenar-benar ketakwaan. Semoga kita bakal mendapat balasan syurga Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang dijanjikan kepada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetap masih terleka dengan urusan dunia. Khutbah hari ini akan membawa tajuk: **Namanya Selepas Namaku.**

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,



Dalam memulakan kehidupan yang singkat ini, Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah menganugerahkan seorang insan yang sangat Istimewa kepada kita. Dialah orang yang diperintahkan Allah untuk memelihara agama, keselamatan dan maruah ahli keluarganya. Malah, dia dipertanggungjawabkan dengan nafkah demi memberi penghidupan kepada setiap ahli keluarga di bawah tanggungannya. Di akhirat nanti, semua amanah ini akan dipersoalkan di hadapan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Dalam Surah at-Tahrim ayat ke-6, Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ٦

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah kamu dan ahli keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu berhala. Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”*

SAUDARAKU SEKALIAN,

Insan ini tidak banyak bicarannya. Dia lebih banyak bercakap melalui lembutnya lidah seorang ibu. Dia difitrahkan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kurang menggunakan emosi kerana melebihkan akal fikiran dan logik dalam setiap tindakannya.



Insan ini selalu berperang dengan akal fikirannya bersendirian. Dia sanggup menelan segala keperitan demi memastikan semua keperluan keluarga dapat disediakan sesempurna mungkin. Senario ini mungkin kerana ego seorang pemimpin keluarga dan sikapnya yang tidak sesekali mahu meresahkan hati setiap ahli keluarga, sekalipun isterinya. Begitulah besarnya hati seorang ayah. Dua sifat utama seorang pemimpin yang hebat adalah yang mempunyai keupayaan fizikal dan mental serta bersikap amanah seperti yang disebutkan dalam ayat ke-26, surah al-Qasas:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: “Salah seorang daripada anak perempuan Nabi Syuib berkata, “Wahai ayah, ambillah dia sebagai orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah perlu ambil sebagai pekerja adalah yang kuat lagi amanah.”

Ayat ini membawa kita kepada sejarah yang menggambarkan sikap Nabi Musa عَلَيْهِ السَّلَامُ yang kuat bekerja dan sangat amanah serta menjaga kemaslahatan orang lain.

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Ketika seorang anak dilahirkan, hati seorang ayah akan bercampur baur antara gembira dan bimbang dengan tanggungjawab dunia dan akhirat anaknya. Diazan dan diiqamahkan, kemudian diberikan nama yang baik-baik serta diakikahkan dengan mengharapkan kebaikan dunia dan akhirat kepada zuriatnya.



Ayah telah mengorbankan keringat demi melihat anak-anaknya dapat bersekolah. Ayah terus bekerja kuat dan melupakan sakit demamnya demi melihat anak-anaknya berbaju baharu ketika tiba Hari Raya dan ketika sesi sekolah bermula.

Seorang ayah hanya memendam rasa rindu apabila anak-anak mula membesar dan berjauhan kerana belajar dan bekerja. Ketika melepaskan anak perempuan kepada suami, hati seorang ayah sudah pasti bahagia dengan kebahagiaan anak perempuannya. Namun pasti terselit rasa sedih kerana akan berpisah dan dibayangi rasa bimbang dengan nasib anaknya di tangan orang lain.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hubungan anak dengan ibu bapa adalah hubungan darah dan jiwa. Hubungan ini tetap signifikan sama ada di dunia dan di akhirat. Hebatnya pertalian ini sehinggalah di dunia lagi nama ayah akan disebut selepas nama kita.

Oleh sebab itu saudaraku sekalian, kenanglah jasa ayah walau siapapun kita sekarang. Wajib kepada anak-anak berbakti dan menjaga kebajikan ibu dan ayah walau apapun hal keadaan mereka, baik atau buruknya mereka. Hal ini jelas disebutkan dalam Al-Quran pada surah Lukman, ayat 14:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصْلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي

وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾



Maksudnya: *“Dan Kami perintahkan kepada manusia (supaya berbuat baik) kepada dua orang ibu-bapa mereka, ibunya telah mengandung dalam keadaan sangat penat dan lelah dan menyusukan mereka selama dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu, hanya kepada-Ku lah kamu kembali.”*

Selain itu, suka juga khatib ingatkan, jangan lupa untuk bersedekah atau berwakaf bagi pihak ibu bapa kita sebagai bekal kebajikan buat mereka. Hal ini disebutkan dalam hadis Nabi ﷺ yang bermaksud:

“Daripada Abdullah bin Abbas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ bahawa Saad bin Ubadah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, ibunya meninggal dunia ketika ia tiada. Lalu dia datang kepada Nabi Muhammad ﷺ dan bertanya, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah meninggal sedang saya tidak ada ketika matinya, apakah jika saya bersedekah untuknya bermanfaat baginya? Rasulullah ﷺ menjawab: “Ya.” Lalu Saad berkata: “Saksikanlah bahawa kebunku yang banyak buahnya aku sedekahkan (dan pahala) untuknya.”

﴿Hadis Riwayat Al-Bukhari﴾

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Berdasarkan khutbah yang disampaikan tadi, khatib ingin menyenaraikan beberapa perkara:

Pertama: Mengingati jasa ayah dan berbakti kepadanya adalah wajib sebagaimana kita berbakti kepada ibu.



Kedua: Jagalah hati ibu bapa dalam tutur kata dan perbuatan. Jangan sesekali mengguris perasaan mereka.

Ketiga: Jika ibu atau bapa telah meninggal dunia, maka tunaikanlah segala wasiatnya. Langsaikan segala hutangnya sama ada hutang dengan Allah seperti *badal* haji, zakat, *nazar*, *kaffarah* dan fidyah serta hutang sesama manusia.

Keempat: Jadilah anak yang soleh dengan terus memelihara silaturrahim dan ukhuwah terhadap sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan dengan ayah semasa hidup mereka.

Kelima: Banyakkan berdoa dan beristighfar memohon ampun untuk mereka dengan ungkapan:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* di dalam surah al-Isra' ayat 24:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan Jun

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْإِيَّهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزَنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ,

Keberadaan bapa dalam sebuah keluarga adalah hakikat kebertanggungjawaban yang akan diperhitungkan kelak di *Yaumul Mahsyar*. Hubungan bapa dan anak diikat dengan tanggungjawab yang akan menyemarakkan keberkatan jika wujud kesalingan kasih sayang, menjaga hak dan maruah, membentuk adab, memenuhi nafkah serta menjaga keselamatan.



Ingatlah, meskipun kini kita merupakan seorang anak, namun tatkala menjelang senja, kita pula mendambakan dokongan seorang anak bagi menjamin keselamatan diri.

Justeru, amat penting kita memastikan hubungan sesama kita dapat dijaga, sesuai dengan nilai murni yang diajar oleh Islam. Kita hendaklah mempamerkan adab dan sikap yang mulia kepada orang tua, golongan yang lebih dewasa, pemimpin dan ketua keluarga. Sifat mulia ini juga hendaklah disambut secara saling memuliakan dalam adab *ukhuwwah fillah* dan kasih sayang.

Sesungguhnya, mengharapkan sejahtera dan sentosa merupakan sebuah usaha yang saling melengkapi bagi menjamin keharmonian hidup. Tentu saja di sana sini ada hati yang tersinggung atau parut yang masih kekal akibat peristiwa lampau. Namun janganlah itu menjadi alasan untuk kita memutuskan kasih sayang dan rasa hormat-menghormati.

Contohnya tertib dan akhlak Rasulullah SAW yang sentiasa berlembut dan mendamaikan. Malah kelembutan itulah yang menjadi tarikan kepada para musuh Nabi untuk kemudiannya mengimani Islam.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّزْنَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥٢﴾

